

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH YB MENTERI LUAR NEGERI

PERTANYAAN : PENGGULUNGAN RUU PERBEKALAN
2020, PERINGKAT JAWATANKUASA

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2019

SOALAN / ISU

Puan Kasthuriraaini a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** memaklumkan sekiranya terdapat rancangan daripada Kementerian untuk menandatangani dan meratifikasi tiga konvensyen yang berkaitan dengan *ocean* ataupun perikanan di negara kita dengan izin, *FAO Port States Measure Agencies*, *IMO Cape Town Agreement* dan juga *ILO Convention on Work and in Fisheries*.

JAWAPAN

Yang Berhormat Tuan Pengerusi,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Kawan atas isu yang diajukan semasa sesi Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2020, Peringkat Jawatankuasa pada 7 November 2019.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu meratifikasi sesuatu instrumen / perjanjian merupakan perkara dasar yang perlu diputuskan oleh Kementerian yang bertanggungjawab dengan instrumen / perjanjian tersebut mengambil kira aspek-aspek berkaitan dalam melaksanakan instrumen/perjanjian tersebut. Prosedur, dokumen dan hal-hal berkaitan dalam meratifikasi sesuatu instrumen/perjanjian juga perlulah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara.

3. Berhubung dengan perkara ini, *FAO Port States Measure Agreement* adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, *IMO Cape Town Agreement* di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan manakala *ILO Work in Fishing Convention* adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia.

Sekian, terima kasih.